

Beberapa Aturan Adat .

Luak Jemrol

Beberapa Aturan Adat

Luak Jempol

Aturan Tugas Ketua Adat

Dalam adat perpateh ada tiga ketua adat yang penting untuk menentukan puak atau suku masing-masing dan membawa kepada masyarakat daerah hingga ke peringkat negeri. Dalam perbilangan adat perpateh alam beraja luak berpenghulu, suku berlembaga, besar pesaka berwaris, anakbuah berbuapak. Jadi tiap-tiap satu ini ada tugas masing-masing. Umpunya buapak beradat dalam anak buahnya, buruk baiknya semuanya buapak ambil tahu. Besar pesaka berwaris mengoka adat umpunya satu-satu waris itu ada dua tiga buapak, semuanya tertakluk kepada besar pesaka, tugas yang kedua besar pesaka ialah pelapik dada pada lembaga, sampan pelayang kepada undang, kuda pelajang pada keadilan dan pegawai sembilan puluh sembilan kepada istana. Didalam suku dua belas ada dua belas besar pesaka. Dalam dua belas itu ada satu yang ditambah tugasnya iaitu besar pesaka dia buapak beranakbuah pun dia pemerhati jua, lembaga dua belas pun dia dalam segi adat. Kalau melindungi bunyikan adat atau menyelesaikan adat.

Lembaga berlingkungan memegang adat. Lembagalah yang boleh membawa mesyuarat, menokok tambah atau mengurangkan adat istiadat iaitu adat yang diadatkan mengikut peredaran zaman dan tidak boleh disabitkan dengan adat yang tak lapok dek hujan tak lenggang dek panas. Dalam perkara ini Undang atau Penghulu Luak jadi pengadilnya. Perbilangannya lembaga anak kepada penghulu dan bertanggungjawab keatas geran tanah yang dicap dengan customery **land** dengan dengan dakwat ringkasnya tanah lembaga. Yang keempat Undang Luak atau penghulu luak menjaga keadilan dalam Luaknya mengikut benar yang empat. Kalau tidak mengikut benar yang empat bukan adat perpateh namanya. Bak kata adat kelaut tumpah karam, kedarat siar bakar, kalau tak pekong jingkek, kalau tak patah tiek perjalanan, adat jauh daripada puar condong ke perut, sayangkan aur serumpun, pada pinang sebatang. Undang menerima kata sepakat bak kata adat bulat air kerana pembentong, bulat manusia kerana muafakat. Kalau kata bercanggah disampaikan kepada Undang atau Penghulu, berhak menghukum orang yang beradat.

Yang pertama memilih buapak sebulat anakbuah, soko dan pesaka memilih buapak. Bulat anakbuah beserta besar pesaka memilih besar nan berpesaka. Bulat buapak beserta besar pesaka memilih Lembaga. Bulat Lembaga memilih Undang tidak payah anak buah lagi sebab Lembaga yang berlingkungan yang memegang adat meliputi dua belas lembaga. Satu Luak Undang atau penghulu, penghulu tiada kuasa memilih pesaka yang tiga ini melainkan tiada persefahaman dianantara waris maka berkuasa penghulu Luak melantik. Adat istiadat pengesahan buapak disembahkan oleh soko dan pesaka kemudian dihantar kerumah Lembaga, disembahkan oleh waris tua membawa boko wajek atau penganan dan lain-lain kuih muih dan wang tujuh ringgit. Kemudian ditambang dirumah isterinya kepada buapak sebelah isterinya.

Istiadat besar pesaka disembahkan oleh soko, buapak, waris tua pada Lembaga oleh buapak soko membawa boko dan kuih muih, tiada membawa wang dan lembaga membawakan ke balai penghulu luak. Lembaga yang menyerahkan istiadatnya, soko membawa tepak sirih dan boko wajek atau pengen an empat biji beserta kuih muih apa yang patut, buapak membawakan istiadat wang empat belas ringgit. Kemudian besar pesaka menjunjung dobat atau menjunjung kasih kepada penghulu luak, besar pesaka ini diturunkan daripada rumah telapak yang disediakan dengan tabir lingkung dan tabir langit. Yang ketiga iatiadat lembaga bulat waris, buapak beserta besar pesaka memilih lembaga. Bila sudah bulat boleh digolek, pipeh boleh dilayangkan maka ditentukan rumah telapaknya. Masa memilih mana-mana pun boleh asalkan dirumah waris itu sebab pada masa itu belum tentu lagi siapa yang dipanjat oleh tuah. Bila sudah tentu rumah telapak, syaratnya rumah yang paling dekat pertalian keluarga umpamanya rumah ibu, kakak atau adik kemudian rumah ini hendaklah membentang cara beradat dan berkampong segala soko dan pesaka dalam waris itu beserta buapak-buapak dalam waris itu dan menyembah darjat diketuai oleh besar pesaka, buapak, tua waris dan soko-soko semua dan dihantar kebalai penghulu luak.

Istiadatnya duit empat belas ringgit empat puluh sen, satu tepak sirih boko, empat biji wajik, pengen an dua biji dan kuih muih apa-apa yang patut. Diketuai oleh besar pesaka sampai ke balai, diserahkan kepada lembaga yang tertua bukan bermakna tua umur iaitu lembaga yang memangku takala mati atau dipecat, dialah yang menguruskan istiadat itu kepada penghulu luak. Bila selesai sekali lagi istiadat merapat anakbuah lingkungan dirumah telapak lembaga dan lagi sekali istiadat menambangkan dirumah isterinya. Syaratnya dirumah telapak sedia mementang dan dirumah isteri pun sedia mementang. Kemudian dihantar oleh soko dan pesaka yang diketuai oleh besar pesaka dari rumah telapak kerumah isteri yang siap sedia. Begitu juga dinanti oleh waris sebelah isteri diketuai oleh lembaganya. Istiadat yang dibawa tepak sirih atau epok duit tujuh ringgit dua puluh sen, boko dua biji dan buah tangan lain-lain. Apabila sampai besar pesaka yang bertanggungjawab kepada lembaga sebelah isterinya. Duit yang tujuh ringgit dua puluh sen itu, apabila mati lembaga dikeluarkan sebagai semahan.